

Supp perlu berubah untuk terus relevan
Malaysiakini.com
September 8, 2010

Dengan memilih untuk kekal dengan BN, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (Supp) perlu berubah dengan membawa idea dan input baru agar ia terus relevan, kata Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Datuk Amar Abang Johari Openg hari ini.

Beliau yang juga Menteri Perumahan dan Kemajuan Bandar Negeri berkata dasar yang sama digunakan oleh parti-parti komponen BN yang lain termasuk PBB.

PBB melihat terdapat 20 peratus perubahan dalam calon-calon parti pada setiap pilihan raya dengan mengenengahkan orang muda bersama dengan pemimpin yang pengalaman dan berkemampuan, bagi menerajui tulang belakang parti gabungan BN negeri, katanya.

"Dalam kes ini, saya berpendapat Supp sedang melalui proses pelarasan dan pemimpin mereka perlu mengukur diri sendiri mengenai apa bentuk perubahan yang perlu dilakukan di dalam parti dan begitu juga dengan melihat kelemahan sendiri," katanya semasa menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada 59 keluarga Islam di Rumah Hung Nam Siang T'ng di Kuching.

Begitu juga, katanya, PBB yang mempunyai sejarah panjang dengan Supp sedang berusaha sedaya mungkin bagi menyesuaikan dengan perubahan persekitaran dengan meletakkan muka-muka baru terutama calon wanita dengan pengalaman yang betul dan kelayakan akademik bagi memudahkan mereka menangani masalah masa kini melalui penggunaan sains dan teknologi.

Sebenarnya, Supp merupakan rakan PBB sejak 1970 apabila Sarawak menjadi kerajaan campuran sebelum penubuhan BN dan perkongsian itu perlu diteruskan.

Beliau berkata Supp perlu memberikan ruang kepada generasi muda untuk menyatakan pendirian mereka bagi menggambarkan kekuatan sebuah parti pembangkang yang telah dapat menarik minat generasi muda.

Supp hilang kawasan Sibu, yang pernah disifatkan sebagai kubu kuatnya kepada DAP semasa pilihan raya kecil Parlimen baru-baru ini selain hilang lapan daripada 19 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya negeri pada 2006 termasuk enam kepada DAP.

Walaupun ada khabar angin bahawa Supp mahu meninggalkan BN selepas beberapa ulasan oleh anggota akar umbinya berhubung isu yang dihadapi oleh masyarakat Cina di Sarawak, Abang Johari berkata beliau mempunyai hubungan rapat dengan rakan Supp dalam barisan kabinet negeri.

"Tidak timbul persoalan mengenai diskriminasi kaum selama 30 tahun saya dalam politik dan sehingga hari ini, saya melawat kawasan ini (Jalan Sekama), yang secara praktikalnya kawasan Cina dan mereka memberikan pertolongan kepada orang Melayu," katanya merujuk kepada majlis itu.

Pada Isnin, Presiden Supp Tan Sri Dr George Chan menolak khabar-kahabar angin bahawa Supp akan meninggalkan BN dengan menyatakan bahawa Supp, yang merupakan rakan PBB sejak 1970an, sentiasa bersama BN sepanjang masa "kecuali sesuatu perkara berlaku."

Bagaimana, beberapa penyokong PBB menyatakan bahawa adalah tidak bijak dan suatu

perkara yang tidak baik bagi Supp untuk membayangkan bahawa ia mahu meninggalkan BN, kerana ia menandakan bahawa gabungan BN negeri merupakan penyebab masalah.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/142269>